



TANDA MATA ... Dr Ismail (enam dari kiri, berdiri barisan tengah) menyampaikan cendera mata kepada wakil Perbadanan Labuan selepas perlawanan bola sepak persahabatan di Dataran Labuan, Selasa lalu. *NST 08-11-2012 23*

Bola sepak persahabatan: Perbadanan Labuan tewaskan UMS-KAL

LABUAN: Pasukan Perbadanan Labuan menewaskan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) 3 - 0 pada perlawanan bola sepak persahabatan di Padang Dataran Labuan, petang Selasa lalu.

Pengurus pasukan UMS-KAL, Suffian Osman berkata perlawanan itu diadakan sebagai pemanas badan bagi mengenalpasti kakitangan

yang akan mewakili universiti ke pertandingan Sukan Staf UMS di Kota Kinabalu,

Katanya, gandingan pemain lama dan baru perlu bagi memastikan pasukan UMS-KAL semakin mantap sebelum menghadapi kejohanan bola sepak di peringkat UMS atau Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) akan datang.

Selain itu, katanya, perlawanan itu untuk mengeratkan lagi hubungan persahabatan yang sedia terjalin dengan Perbadanan Labuan yang merupakan antara jabatan kerajaan yang menjadi rakan kongsi utama UMS-KAL dalam mengadakan pelbagai aktiviti yang membabitkan kakitangan dan pelajar serta pensyarah.

Pasukan UMS-KAL turut dibarisi Pengarah

UMS-KAL, Prof Madya Dr Ismail Ali dan Timbalan Pendaftar, Zamri Mohamad Tuah.

Dr Ismail berkata UMS-KAL akan mengadakan lebih banyak perlawanan bola sepak persahabatan dengan jabatan dan agensi kerajaan serta swasta bukan sahaja untuk memantapkan lagi pasukan tetapi sebagai riadah bagi warga universiti itu.